

**Kelewatan Dalam Perkhidmatan Boleh Sebabkan Rasuah, Kata Tun Dr Mahathir Bernama  
04 Julai, 2012**

PUTRAJAYA, 4 Julai (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata kelewatan dalam melaksanakan sesuatu perkhidmatan oleh kerajaan boleh menyebabkan berlaku rasuah.

Justeru kata beliau, semua jabatan kerajaan harus menetapkan jangka waktu bagi pegawainya menyiapkan sesuatu tugas, kerana tempoh masa yang diambil akan menentukan sama ada tugas itu dilaksana dengan baik atau tidak.

"Jangan ada kelewatan. Saya takut kelewatan akan menyebabkan rasuah. Jika suatu perkara boleh dilaksana dalam satu hari, pastikan perkara itu siap dalam sehari. Jika tidak, panggil pegawai itu dan tanya mengapa dia tidak boleh lakukan dalam sehari," katanya pada jamuan tengah hari bersama Tun Dr Mahathir Mohamad sempena Persidangan Digital Kebangsaan 2012, di sini Rabu.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDec) Datuk Badlisham Ghazali mengenai perkhidmatan yang diidamkan beliau selaku orang awam di negara ini.

Dr Mahathir juga menasihati semua penjawat awam agar mencintai negara ini lebih daripada diri sendiri.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=677996>